

PROFIL TAHAP KEPRIHATINAN GURU TERHADAP INOVASI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) BERDASARKAN MODEL *CONCERN-BASED ADOPTION MODEL* (CBAM)

Tan Yi Ling
Lee Lay Wah

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
lwah@usm.my

Abstract: This study was aimed at identifying the stage of concern profile toward the KSSR innovation (Standard Curriculum for Primary Schools) based on teachers' stage of concern. The stage of concern profile gives a clear picture of the understanding and teacher feedback toward contemporary focus in educational change. This study used the Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK) or Concerns-Based Adoption Model (CBAM) as the theoretical framework to explicate primary school teachers' concerns in implementing the KSSR innovation. Data were collected through the questionnaire on stage of teacher concern or the Stages of Concern Questionnaire (SoCQ) published based on the CBAM. Descriptive analysis was conducted on the sample of the study. The research sample consisted of 192 teachers from 14 SJK(C) from Barat Daya, Pulau Pinang. The findings show that the level of use profile for postgraduate qualified teachers was "experienced user" in implementing KSSR innovation. Whereas the profile for teachers group based on demographic factors age, academic qualification, teaching experience and number of times attended courses/in-service training in KSSR as well as the general profile show characteristics of "distrustful nonuser" meaning that teachers show high concern for awareness, informational, personal, management and refocusing in implementing KSSR innovation. This shows that teachers favored ideas different from ideas related to the KSSR innovation being implemented. This finding must be taken as a warning that teachers are possibly facing restrictions in implementing KSSR innovation.

Keywords: stage of concern profile, Concerns-Based Adoption Model (CBAM), innovation, KSSR

PENGENALAN

Situasi politik, ekonomi, teknologi, sosial dan budaya di seluruh dunia berubah mengikut masa. Bagi memenuhi permintaan yang selari dengan perubahan masa, inovasi atau perubahan kurikulum yang berdaya saing dan selari dengan perubahan dunia adalah diperlukan.

Suatu Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6.2008 yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran pada masa itu telah membuat keputusan mentransformasikan kurikulum kebangsaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Selaras dengan hasrat Teras Kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menekankan dasar membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni telah digubal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Tujuan KSSR adalah untuk melahirkan modal insan seimbang yang dapat menghadapi cabaran abad ke-21, dan kurikulum kebangsaan sedia ada (KBSR) telah dikaji semula bagi memastikan kurikulum yang holistik dan relevan dilaksanakan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Transformasi kurikulum dari semakan KBSR pada tahun 2003 kepada KSSR pada tahun 2011 meliputi aspek isi kandungan, peruntukan masa pengajaran, cara pentaksiran, pedagogi, organisasi, bahan dan pengurusan kurikulum. Maka, guru tidak terkecuali dalam pendedahan kepada transformasi kurikulum. Sehubungan dengan itu, tahap keprihatinan guru akan dipengaruhi semasa proses pelaksanaan KSSR.

Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK)

Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK) atau *Concern-Based Adoption Model (CBAM)* merupakan panduan kajian kepada guru untuk mengenal pasti tahap keprihatinan guru dalam inovasi kurikulum. Menurut Hall dan Hord (2011), keprihatinan boleh dikategorikan kepada tujuh tahap iaitu Tahap 0 (Kesedaran), Tahap 1 (Maklumat), Tahap 2 (Peribadi), Tahap 3 (Pengurusan), Tahap 4 (Kesan), Tahap 5 (Kerjasama) dan Tahap 6 (Fokus Semula). Sehubungan dengan itu, tujuh tahap keprihatinan dikategorikan kepada empat peringkat keprihatinan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Tahap Keprihatinan Berkaitan Inovasi : Definisi Mengikut Tahap

| Peringkat Keprihatinan | Tahap Keprihatinan | Definisi |
|-------------------------------|---------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tiada Berkaitan | 0 – 0 | Kesedaran Guru kurang prihatin atau kurang terlibat terhadap inovasi yang diperkenalkan. |
| Diri | 1 | –Maklumat Guru mempunyai kesedaran umum terhadap inovasi yang berlaku dan berminat untuk mempelajari/ mengetahui dengan lebih lanjut tentang ciri, kesan dan keperluannya. |
| | 2 | – Peribadi Perasaan kebimbangan guru mengenai peranan dan kemampuan diri untuk melaksanakan inovasi termasuk keprihatinan mengenai jenis kesan inovasi tersebut terhadap diri dan aktiviti rutin mereka. |
| Tugas | 3 | –Pengurusan Guru fokus kepada proses dan tugas dalam melaksanakan inovasi. Mereka cuba menggunakan maklumat dan sumber yang ada secara optimum. Isu kecekapan, penyusunan, pengurusan, penjadualan dan tempoh masa yang diperlukan adalah diutamakan. |
| | 4 | – Kesan Tumpuan guru berfokus kepada kesan perubahan ke atas murid terutamanya penilaian pencapaian dan kompetensi murid. |
| Impak | 5 | – Kerjasama Guru bekerjasama dengan guru lain bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan perubahan. |
| | 6 | – Fokus Semula Guru memikirkan dan memfokus semula tumpuan mereka untuk meneroka faedah perubahan yang dilaksanakan. Mereka mencari kemungkinan atau alternatif lain demi menambahbaik inovasi yang sedang berlaku. |

Sumber. Adaptasi daripada Hall dan Hord (2011)


Hall dan Hord (2011) membuat postulat bahawa keprihatinan guru melibatkan perkembangan dalam proses perubahan. Seseorang guru yang berpengalaman akan menjadi seolah-olah guru novis apabila sesuatu kurikulum baru diimplementasikan (Hall & Hord, 2011). Menurut Sanders dan Ngxola (2009), hal ini berlaku kerana guru harus menghadapi topik baru seperti isi kandungan baru dan pengetahuan kandungan pedagogi yang baru. Oleh itu, keprihatinan guru akan menunjukkan intensiti yang paling tinggi pada peringkat awal inovasi iaitu Peringkat Keprihatinan Diri. Walau bagaimanapun, apabila guru menjadi lebih berpengalaman dalam mengendalikan inovasi, intensiti akan beralih kepada Peringkat Keprihatinan Tugas dan seterusnya kepada Peringkat Keprihatinan Impak (Hall & Hord, 2011).

Profil Tahap Keprihatinan Guru

Menurut Hall dan Hord (2011), kunci utama untuk mentafsir profil keprihatinan adalah melihat bentuk keseluruhannya, iaitu mencari puncak (*peak*) dan lembah (*valley*) pada graf. Puncak tertinggi menunjukkan pengguna mempunyai intensiti yang paling tinggi manakala lembah pula menunjukkan pengguna mempunyai keprihatinan yang rendah (Hall & Hord, 2011).

Perkembangan tahap keprihatinan biasanya berbentuk gelombang (*wave motion*). Apabila sesuatu inovasi mula diperkenalkan, graf akan menunjukkan gelombang tinggi pada Peringkat Keprihatinan Diri dan Keprihatinan Tugas; ini menunjukkan responden yang dikaji merupakan “bukan pengguna” (*Non-user*). Jika sesuatu inovasi adalah positif dan terdapat sokongan dalam tempoh tiga hingga lima tahun pelaksanaan inovasi, iaitu pada pertengahan tempoh sesuatu inovasi diperkenalkan, intensiti pada Peringkat Keprihatinan Diri akan menurun. Suatu profil keprihatinan akan menunjukkan lenguk loceng (*bell curve*). Ini adalah kerana peserta mempunyai konsep yang lebih mendalam dan lebih memahami inovasi yang dilaksanakan (Lu & Overbaugh, 2009). Peserta akan memperolehi pengalaman setelah sesuatu inovasi dijalankan pada suatu tempoh.

Pergerakan gelombang yang progresif pada graf akan terbentuk, gelombang akan bergerak dari kiri ke kanan pada graf, iaitu intensiti pada Peringkat Keprihatinan Diri dan Tugas akan menurun, ini bermakna pengguna menunjukkan intensiti dalam peratusan yang tinggi di Peringkat Keprihatinan Impak seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut.




Rajah 1 Perkembangan Ideal Pergerakan Gelombang Tahap Keprihatinan Sumber. Hall dan Hord (2011)

Walau bagaimanapun, aliran keprihatinan bukannya selalu berkembang dengan ideal dan selalu bergerak dalam satu arah mengikut tempoh inovasi dilaksanakan. Pelbagai puncak ditunjukkan pada graf adalah tidak biasa dijangkakan walaupun terdapat beberapa jenis kombinasi yang selalu diperhatikan. Apabila terdapat lebih daripada satu puncak tahap keprihatinan pada graf, profil tahap keprihatinan harus ditafsirkan dengan menggabungkan definisinya.


Dalam sesetengah profil, terdapat dua puncak seperti ditunjukkan dalam Rajah 2. Profil keprihatinan yang menunjukkan “W besar” di mana graf menunjukkan intensiti yang tinggi pada Tahap 3 dan kedua tinggi pada tahap 6. Graf menunjukkan intensiti yang rendah pada Tahap 1, Tahap 2, Tahap 4 dan Tahap 5. Hall dan Hord (2011) menyatakan bahawa profil ini tidak akan menjadi bermakna sekiranya tidak terdapat “kenaikan ekor” (*tailing up*) pada Tahap 6. Kombinasi puncak dan lembah pada Rajah 2 menunjukkan individu mempunyai idea di mana inovasi ini dapat

dilaksanakan dengan cara yang berlainan dengan intensiti yang tinggi pada Tahap 6 dan berhubung dengan intensiti yang tinggi (dan tidak dapat diselesaikan) pada Tahap 3. Menurut Hall dan Hord (2011), guru yang mempunyai profil jenis graf ini adalah lebih tegas mengenai situasi mereka dan cara patut diubah.



Rajah 2 Profil Keprihatinan Pengurusan yang tinggi dengan idea

Sumber: Hall dan Hord (2011)



Rajah 3 Profil Keprihatinan Kesan: Matlamat pelaksanaan keprihatinan

Sumber: George et al. (2006)

Profil keprihatinan yang terdapat tiga puncak seperti dalam Rajah 3 menunjukkan profil keprihatinan yang tinggi pada Tahap 4, Tahap 5 dan Tahap 6. Profil tahap keprihatinan jenis ini merupakan matlamat yang ideal dalam usaha pelaksanaan inovasi (George, Hall, & Stiegelbauer, 2006). Guru menunjukkan Peringkat Keprihatinan Impak yang tinggi dan keberkesanan penggunaan inovasi dalam bilik darjah (Tahap 4), berhubung dengan guru lain (Tahap 5) serta mencari inisiatif lain dalam melaksanakan inovasi (Tahap 6). Menurut George et al. (2006) guru dan kakitangan sekolah yang menunjukkan profil keprihatinan jenis ini adalah jarang didapati. Sekiranya profil ini didapati, ini bermakna inovasi itu adalah dilaksanakan dengan berkesan.

Menurut Hall dan Hord (2011), rintangan dalam proses perubahan sering berlaku dalam Tahap 2, hal ini berlaku kerana terdapat ketidakpastian dengan jangkaan yang dibuat dan keraguan pada keupayaan diri dalam menjayakan inovasi dengan cara baru. Selain itu, satu lagi aspek yang kerap diabaikan ialah pada Tahap 1. Menurut Hall dan Hord (2011) lagi, apabila pelaksana tidak tahu proses perubahan yang sedang berlaku, pelaksana akan menunjukkan intensiti yang tinggi pada Tahap 2 berbanding dengan Tahap 1. Keadaan ini berlaku apabila kekurangan maklumat dibekalkan kepada pengguna.

PERNYATAAN MASALAH

Mengikut Fullan dan Stiegelbauer (1991), sesuatu perubahan yang berlaku akan menghadapi pelbagai tekanan. Sesuatu penggubalan kurikulum yang baru akan menolak guru kepada perubahan, ini kerana guru merupakan agen pelaksana inovasi dan perubahan kurikulum. Baharuddin (2009) menyatakan bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi bergantung kepada guru kerana mereka yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu inovasi itu di dalam bilik darjah. Maka keprihatinan guru terhadap perubahan kurikulum KSSR adalah penting dikaji.

Conroy (1999) berpendapat bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi proses pelaksanaan perubahan kurikulum; salah satu faktor ialah peranan guru. Justeru itu, adalah wajar mengkaji faktor guru sebelum sesuatu inovasi kurikulum dilaksanakan. Abdul Rahim (2007) menyatakan bahawa sesuatu proses pelaksanaan perubahan kurikulum akan terganggu jika guru kurang jelas tentang perubahan tersebut. Banyak kajian keberkesanan pelaksanaan perubahan

kurikulum telah dilakukan. Hasil kajian menunjukkan guru kurang memahami dari segi strategi mengajar dan juga matlamat pembaharuan kurikulum (Sharifah, Nor Adibah, Mohd Mahzan & Aliza Ali, 2012).

KSSR telah dilaksanakan di seluruh negara di Malaysia bermula pada tahun 2011 dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dalam meninjau pelaksanaan KSSR oleh pentadbir sekolah dan semua guru yang mengajar semua mata pelajaran KSSR di setiap sekolah rendah di seluruh Malaysia (JPNPP, 2012). Maka suatu kajian untuk meninjau keprihatinan guru terhadap inovasi KSSR adalah wajar supaya selari dengan usaha KPM dalam melaksanakan inovasi pendidikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti profil tahap keprihatinan guru sekolah SJKC daerah Barat Daya di Pulau Pinang dalam pelaksanaan KSSR berdasarkan umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan bilangan kali menghadiri kursus KSSR/Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) KSSR.
2. Mengenal pasti profil umum tahap keprihatinan guru sekolah SJKC daerah Barat Daya di Pulau Pinang dalam pelaksanaan KSSR

METODOLOGI KAJIAN

Sampel Kajian

Soal selidik telah diedarkan kepada 310 orang guru yang mengajar di 14 buah sekolah SJKC daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Daripada 310 soal selidik yang diedarkan, sebanyak 192 soal selidik dikumpul balik (61.94%). Pemerihalan responden dibahagikan kepada jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan bilangan kali menghadiri kursus/LDP KSSR (Jadual 2).

Jadual 2

Rumusan Pemerihalan Responden

| Pemboleh ubah | Demografi | Kekerapan N = 192 | Peratusan (%) |
|-----------------------------------------------------|-------------------|----------------------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 22 | 11.5 |
| | Perempuan | 170 | 88.5 |
| Umur (tahun) | 20-29 | 33 | 17.2 |
| | 30-39 | 89 | 46.4 |
| | 40-49 | 30 | 15.6 |
| | 50 ke atas | 40 | 20.8 |
| Kelayakan Akademik | Bukan Siswazah | 93 | 48.4 |
| | Siswazah | 90 | 46.9 |
| | Siswazah Lanjutan | 9 | 4.7 |
| Pengalaman Mengajar (tahun) | 1-10 | 114 | 59.4 |
| | 11-20 | 29 | 15.1 |
| | 21-30 | 35 | 18.2 |
| | 31 ke atas | 14 | 7.3 |
| Bilangan Kali Menghadiri Kursus KSSR/LDP KSSR | Tidak pernah | 12 | 6.3 |
| | 1 kali | 16 | 8.3 |
| | 2 kali | 31 | 16.1 |
| | 3 kali ke atas | 133 | 69.3 |

Instrumen Kajian

Instrumen kajian diadaptasi daripada soal selidik tahap keprihatinan atau dikenali sebagai *Stages of Concern Questionnaire, SoCQ* (George et al., 2006) yang dibina berdasarkan model CBAM oleh Hall dan Hord (2011) (Rujuk Lampiran A). SoCQ yang digunakan dalam kajian ini telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Maka, kesahan kandungan soal selidik telah disemak dan disahkan oleh seorang Profesor dari Pusat Pengajian Imu

Pendidikan (PPIP), Universiti Sains Malaysia (USM), dua orang guru Ketua Panitia iaitu Ketua Panitia Bahasa Melayu dan Ketua Panitia Bahasa Inggeris yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 30 tahun.

SoCQ mengandungi 35 item soal selidik berkaitan dengan tujuh tahap keprihatinan. Tahap keprihatinan guru dalam kajian ini menjurus kepada tujuh tahap keprihatinan yang diadaptasi daripada Hall dan Hord (2011). Setiap pernyataan berpandu kepada 8 skala mengikut intensiti yang berbeza iaitu dari 0 (tidak berkaitan) hingga 7 (sangat benar) pada skala Likert. Soal selidik tahap keprihatinan (SoCQ) telah mula digunakan sejak 1970-an; kesemua 35 item dalam soal selidik mempunyai kesahan (Cronbach alpha dari .64 ke .83) dan kebolehpercayaan (ujian koefisiensi dari .65 ke .86) yang tinggi (Hall & Hord, 2011). Kajian rintis bagi kajian ini dijalankan ke atas 30 orang guru di sebuah SJKC daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Nilai alpha yang didapati daripada ujian koefisiensi kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini ialah .897.

Analisis data

Penganalisaan data deskriptif dijalankan untuk menjana profil kumpulan demografi serta profil umum terhadap keprihatinan guru berdasarkan panduan *SoCQ Quick Scoring Device* (George et al., 2006)(Rujuk Lampiran B). Untuk menjana profil tahap keprihatinan guru, pemarkahan dikira dengan menjumlahkan markah pada kelima-lima item dalam setiap tahap. Jumlah bagi setiap peringkat merupakan “skor peringkat mentah” (*Raw stage score*). Kemudiannya, skor peringkat mentah ditukarkan kepada “skor peratusan” (*Percentile Score*) dengan merujuk kepada Carta Penukaran Peratusan Tahap Keprihatinan seperti dalam Lampiran C (George et al., 2006). Skor peratusan diplotkan dan disambung untuk mendapat suatu profil umum tahap keprihatinan responden dalam pelaksanaan inovasi KSSR.

DAPATAN KAJIAN


Profil Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan KSSR Berdasarkan Umur

Profil guru bagi kesemua kumpulan umur guru menunjukkan Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan (Tahap 0), Peringkat Keprihatinan Diri (Tahap 1 dan Tahap 2) dan Peringkat Keprihatinan Tugas (Tahap 3) yang tinggi. Selain itu, profil juga menunjukkan Keprihatinan Fokus Semula (Tahap 6) yang tinggi iaitu “kenaikan ekor” pada graf seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4. Skor peratusan kumpulan umur ditunjukkan dalam Jadual 3 seperti berikut.

Jadual 3

Skor Peratusan Tahap Keprihatinan Bagi Kumpulan Umur

| Kumpulan Umur | Tahap 0 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4 | Tahap 5 | Tahap 6 |
|------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 20-29 Tahun | 93 | 88 | 85 | 88 | 59 | 59 | 81 |
| 30-39 Tahun | 86 | 88 | 87 | 90 | 59 | 64 | 81 |
| 40-49 Tahun | 84 | 80 | 87 | 88 | 59 | 59 | 84 |
| 50 tahun ke atas | 93 | 84 | 89 | 90 | 63 | 59 | 87 |



Rajah 4. Profil Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Inovasi KSSR berdasarkan umur.

Profil Tahap Keprihatinan Guru dalam Pelaksanaan KSSR Berdasarkan Kelayakan Akademik


Profil guru bagi kumpulan guru yang berkelayakan bukan siswazah dan siswazah menunjukkan Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan (Tahap 0), Peringkat Keprihatinan Diri (Tahap 1 dan Tahap 2) dan Keprihatinan Tugas (Tahap 3) yang tinggi. Kedua-dua kumpulan guru ini menunjukkan “Kenaikan ekor” pada profil iaitu intensiti peratusan yang meningkat bagi keprihatinan Fokus Semula (Tahap 6).

Profil bagi kumpulan guru yang berkelayakan siswazah lanjutan menunjukkan intensiti peratusan yang paling rendah bagi Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan (Tahap 0), intensiti peratusan semakin meningkat pada setiap tahap berikutnya sehingga ke Tahap 5 lalu menurun intensitinya bagi Tahap 6. Skor peratusan kumpulan kelayakan akademik adalah ditunjukkan dalam Jadual 4 seperti berikut.

Jadual 4

Skor bagi Kumpulan Kelayakan Akademik

| Kumpulan Kelayakan Akademik | Tahap 0 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4 | Tahap 5 | Tahap 6 |
|-----------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Bukan Siswazah | 96 | 88 | 87 | 90 | 63 | 59 | 87 |
| Siswazah | 72 | 84 | 85 | 90 | 54 | 59 | 81 |
| Siswazah Lanjutan | 77 | 80 | 83 | 88 | 86 | 95 | 84 |



Rajah 5. Profil Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Inovasi KSSR berdasarkan Kelayakan Akademik

Profil Tahap Keprihatinan Guru dalam Pelaksanaan KSSR Berdasarkan Pengalaman Mengajar


Hasil dapatan kajian mendapati tiga kumpulan iaitu guru yang berpengalaman mengajar 1-10 tahun, 11-20 tahun dan 21-30 tahun menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Peringkat Keprihatinan Tugas yang terdiri daripada Tahap 3. Manakala, ketiga-tiga kumpulan menunjukkan intensiti yang paling rendah dengan memperolehi skor 59%.

Kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 31 tahun ke atas menunjukkan skor peratusan yang paling tinggi bagi Tahap 0. Walau bagaimanapun kesemua guru bagi kumpulan pengalaman mengajar menunjukkan “kenaikan ekor” pada profil iaitu kenaikan skor peratusan bagi Tahap 6 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6. Skor peratusan bagi guru berdasarkan kumpulan pengalaman mengajar adalah ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Skor Peratusan bagi Kumpulan Pengalaman Mengajar

| Kumpulan Pengalaman Mengajar | Tahap 0 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4 | Tahap 5 | Tahap 6 |
|------------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 1 – 10 tahun | 89 | 88 | 85 | 90 | 59 | 59 | 81 |
| 11 – 20 tahun | 86 | 88 | 87 | 90 | 59 | 68 | 84 |
| 21 – 30 tahun | 89 | 84 | 89 | 90 | 63 | 59 | 87 |
| 31 tahun ke atas | 95 | 84 | 89 | 92 | 71 | 64 | 90 |



Rajah 6. Profil Tahap Keprihatinan Guru terhadap inovasi KSSR berdasarkan pengalaman mengajar

Profil Tahap Keprihatinan Guru dalam Pelaksanaan KSSR Berdasarkan Bilangan Kali Guru Menghadiri Kursus KSSR atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) KSSR


Profil bagi kumpulan guru yang tidak pernah menghadiri kursus/LDP KSSR menunjukkan skor peratusan yang tinggi bagi Tahap 0 dan menurun intensiti bagi setiap tahap seterusnya. Tahap 6 menunjukkan skor peratusan yang paling rendah. Profil bagi kumpulan guru yang menghadiri 1 kali dan 2 kali kursus/LDP KSSR menunjukkan skor peratusan yang paling tinggi bagi Tahap 0 dan menunjukkan intensiti kedua tinggi bagi Tahap 3. Secara kebetulan, kedua-dua kumpulan guru ini juga menunjukkan intensiti paling rendah bagi Tahap 4.

Bagi kumpulan guru yang menghadiri kursus/LDP KSSR 3 kali ke atas profil guru menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 3 dan menunjukkan intensiti yang paling rendah bagi Tahap 4 dan Tahap 5. Kumpulan guru yang menghadiri kursus 1 kali, 2 kali dan 3 kali ke atas menunjukkan “Kenaikan ekor” pada profil, iaitu skor peratusan meningkat bagi Tahap 6. Skor peratusan bagi kumpulan bilangan kali guru menghadiri kursus/LDP KSSR adalah ditunjukkan dalam Jadual 6 seperti berikut.

Jadual 6

Skor Peratusan dan Jumlah Skor Mentah Min 5 Item bagi Kumpulan Bilangan Kali Menghadiri Kursus/LDP KSSR

| Kumpulan Bilangan Kali Menghadiri Kursus/LDP KSSR | Tahap 0 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4 | Tahap 5 | Tahap 6 |
|---------------------------------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Tidak Pernah | 99 | 90 | 91 | 77 | 59 | 52 | 47 |
| 1 Kali | 89 | 84 | 87 | 88 | 63 | 68 | 84 |
| 2 Kali | 91 | 88 | 85 | 90 | 59 | 68 | 84 |
| 3 Kali Ke Atas | 84 | 84 | 87 | 90 | 59 | 59 | 84 |



Rajah 7. Profil Tahap Keprihatinan Guru terhadap inovasi KSSR berdasarkan bilangan kali guru menghadiri kursus/LDP KSSR


Profil Umum Tahap Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan KSSR

Profil Umum Peringkat Keprihatinan Tiada Berkaitan (Tahap 0), Peringkat Keprihatinan Diri (Tahap 1 dan Tahap 2) dan Peringkat Keprihatinan Tugas (Tahap 3) responden adalah lebih tinggi daripada Peringkat Keprihatinan Impak (Tahap 4, Tahap 5 dan Tahap 6). Bagi Peringkat Keprihatinan Tugas yang terdiri daripada Tahap 3, profil menunjukkan intensiti yang paling tinggi (90%), iaitu satu peratus lebih berbanding dengan Tahap 0 yang merupakan intensiti kedua tinggi (89%). Jumlah skor mentah (Min 5 Item) dan skor peratusan responden bagi setiap tahap keprihatinan ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Min dan Skor Peratusan Tahap Keprihatinan Responden

| Tahap Keprihatinan | Skor Peratusan | Jumlah Skor Mentah (Min 5 Item) | Min | Sisihan Piawai |
|--------------------|----------------|---------------------------------|-------|----------------|
| Tahap 0 | 89 | 12.80 | 2.559 | 1.471 |
| Tahap 1 | 84 | 23.45 | 4.690 | 0.723 |
| Tahap 2 | 87 | 25.80 | 5.159 | 0.808 |
| Tahap 3 | 90 | 24.84 | 4.968 | 0.857 |
| Tahap 4 | 59 | 26.29 | 5.258 | 0.907 |
| Tahap 5 | 64 | 23.59 | 4.719 | 0.993 |
| Tahap 6 | 84 | 24.73 | 4.947 | 0.850 |



Rajah 8. Profil Umum Tahap Keprihatinan Guru terhadap inovasi KSSR.

PERBINCANGAN

Profil Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Umur

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat kumpulan umur bagi guru di SJKC daerah Barat Daya di Pulau Pinang menunjukkan profil “bukan pengguna yang bcurigia” atau dikenali sebagai “*distrustful nonuser*”. Merujuk kepada interpretasi Hall dan Hord (2011) bahawa bentuk profil menunjukkan skor peratusan yang tinggi pada awal tahap iaitu pada Peringkat Keprihatinan Tiada Berkenaan (Tahap 0) dan Peringkat Keprihatinan Diri (Tahap 1 dan Tahap 2), sebaliknya menunjukkan skor peratusan yang rendah bagi Peringkat Keprihatinan Impak (Tahap 4, Tahap 5 dan Tahap 6). “Kenaikan ekor” (*tailing up*) pada Tahap 6 merupakan rintangan bagi profil yang menunjukkan kesangsian guru semasa melaksanakan inovasi KSSR.

Guru dalam kumpulan yang berumur 20-29 tahun dan 50 tahun ke atas menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 0 dan intensiti kedua tinggi bagi Tahap 3. Manakala guru dalam kumpulan yang berumur 30-39 tahun dan 40-49 tahun menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 3. Menurut George et al. (2006) apabila profil menunjukkan skor yang tertinggi pada Tahap 0 adalah wajar memerhati skor kedua tinggi. Oleh itu, kesemua kumpulan umur prihatin terhadap proses dan tugas berkaitan dengan pelaksanaan inovasi KSSR. Mereka prihatin terhadap masa, logistik, atau masalah pengurusan lain yang berkaitan dengan inovasi. Hasil kajian Lu dan Overbaugh (2009) bagi kumpulan guru yang berumur 25 tahun ke bawah adalah konsisten dengan dapatan kajian. Manakala dapatan Lu dan Overbaugh (2009) adalah berbeza bagi kumpulan guru yang berumur 30-39 tahun dan 40-49 tahun bahawa kedua-dua kumpulan menunjukkan intensiti yang paling rendah bagi Tahap 3 dalam kajiannya.

Kumpulan guru yang berumur 20-29 tahun dan 40-49 tahun menunjukkan skor yang sama rendah bagi Tahap 4 dan Tahap 5. Ini menunjukkan mereka memberi keprihatinan yang minima atau kurang prihatin tentang hubungan kesan pelaksanaan inovasi KSSR dengan murid. Selain itu, mereka juga kurang bekerjasama atau berkongsi maklumat dengan rakan sekerja dalam menyediakan pengajaran mengenai KSSR.

Kumpulan guru yang berumur 30-39 menunjukkan skor peratusan yang rendah bagi Tahap 4 berbanding dengan Tahap 5. Guru dalam kumpulan ini mengambil prihatin yang minimum dalam kesan pelaksanaan KSSR terhadap murid. Manakala guru yang berumur 50 tahun ke atas menunjukkan skor peratusan yang paling rendah bagi Tahap 5. Ini membawa maksud bahawa guru dalam kumpulan ini kurang memberi perhatian dalam perkongsian maklumat dan bekerjasama dengan rakan sekerja atau dengan guru di sekolah lain dalam melaksanakan inovasi KSSR.

Profil bagi semua kumpulan peringkat umur menunjukkan “kenaikan ekor” bagi Tahap 6. Ini menunjukkan guru dalam kesemua kumpulan umur mempunyai idea yang berlainan daripada idea berkenaan inovasi KSSR; mereka mempunyai pandangan bahawa mereka patut diberi lebih masa dalam pelaksanaan KSSR.

Profil Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Kelayakan Akademik

Kumpulan guru yang berkelayakan bukan siswazah dan berkelayakan siswazah menunjukkan bentuk profil “bukan pengguna yang bercuriga”. Kumpulan guru berkelayakan bukan siswazah menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 0 dan menunjukkan intensiti yang kedua tinggi bagi Tahap 3. Manakala kumpulan guru yang berkelayakan siswazah menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 3. Menurut George et al. (2006) adalah wajar memerhati skor kedua tinggi dalam profil sekiranya skor yang tertinggi pada Tahap 0. Oleh itu, kedua-dua kumpulan guru ini menunjukkan keprihatinan yang tinggi dalam pengurusan masa yang diperuntukkan dalam melaksanakan KSSR dan aspek lain berkaitan dengan logistik dalam melaksanakan KSSR.

Guru kumpulan berkelayakan bukan siswazah dan siswazah menunjukkan keprihatinan yang rendah bagi Tahap 4 (Kesan) dan Tahap 5 (Kerjasama) dalam pelaksanaan inovasi KSSR ini. Ini menunjukkan guru kurang prihatin terhadap kesan pelaksanaan inovasi KSSR terhadap murid serta kurang bekerjasama dengan rakan sekerja semasa melaksanakan inovasi KSSR.

“Kenaikan ekor” pada Tahap 6 bagi kedua-dua kumpulan ini merupakan suatu penemuan yang penting bagi profil bukan pengguna. Ini adalah kerana guru dalam kedua-dua kumpulan ini menunjukkan kekangan dalam inovasi. Mereka berkemungkinan ingin mengorientasi semula atau mengubah inovasi KSSR. Sehubungan dengan itu, Hall dan Hord (2011) menjelaskan bahawa profil jenis ini (bukan pengguna dengan kenaikan ekor pada Tahap 6) menunjukkan responden berpandangan negatif ke arah inovasi.

Dapatkan kajian menunjukkan guru yang berkelayakan bukan siswazah dan siswazah menunjukkan intensiti yang tinggi bagi Peringkat Keprihatinan Tugas dan menunjukkan intensiti yang rendah bagi Peringkat Keprihatinan Impak. Dapatkan kajian ini konsisten dengan hasil kajian Sharifah Nor Puteh, Kamarul Azman, dan Kamaruzaman (2011) bahawa kedua-dua kumpulan guru ini menunjukkan Keprihatinan Tugas yang tinggi. Namun, dapatan ini bertentangan dengan dapatan Norazila (2008) dalam hasil kajiannya, Keprihatinan Tugas yang rendah dan Keprihatinan Impak yang tinggi didapati bagi kumpulan guru bukan siswazah. Menurut Noraliza (2008), walaupun guru bukan siswazah tidak mahir dalam penggunaan teknologi, akan tetapi mereka prihatin untuk mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh guru lain dan sanggup bekerjasama dengan guru lain tentang penggunaannya.

Profil bagi kumpulan guru yang berkelayakan siswazah lanjutan merupakan “pengguna yang berpengalaman” mengikut interpretasi Hall dan Hord (2011). Guru dalam kumpulan ini menunjukkan mereka berminat bekerjasama dengan rakan sekerja atau guru di sekolah lain dalam menyelaraskan inovasi KSSR (intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 5). Hasil kajian adalah konsisten dengan dapatan kajian Noraliza (2008) bahawa guru berkelayakan siswazah lanjutan menunjukkan Keprihatinan Diri yang rendah.

Hall dan Hord (2011) menyatakan bahawa guru yang menunjukkan Peringkat Keprihatinan Impak yang tinggi mencerminkan bahawa guru mengambil perubahan positif dan bersedia untuk belajar cara alternatif mengenai perubahan supaya melakukannya dengan lebih baik. Sehubungan dengan itu, guru dalam kumpulan ini juga menunjukkan Tahap 3 yang tinggi bahawa mereka mempunyai keprihatinan yang tinggi tentang masa, logistik, atau masalah pengurusan berkaitan dengan pelaksanaan inovasi KSSR.

Profil Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 1-10 tahun, 11-20 tahun dan 21-30 tahun menunjukkan Peringkat Keprihatinan Tugas yang terdiri daripada Tahap 3 paling tinggi. Manakala guru yang berpengalaman mengajar 31 tahun ke atas menunjukkan skor peratusan yang paling tinggi bagi Tahap 0. Walau bagaimanapun, menurut tafsiran George et al. (2006) sekiranya profil menunjukkan skor yang tertinggi pada Tahap 0 adalah wajar memerhati skor kedua tinggi dan membuat interpretasi berhubung dengan skor kedua tinggi.

Justeru itu, ini menunjukkan semua guru berdasarkan pengalaman mengajar memberi keprihatinan yang tinggi dalam proses dan tugas dalam inovasi KSSR. Sementara itu, mereka juga prihatin dalam penggunaan maklumat serta sumber yang ada secara optimum. Sehubungan dengan itu, kesemua guru dalam kumpulan ini memberi perhatian berkaitan dengan isu-isu pengaturcaraan, penyusunan sumber, penjadualan dan masa dalam melaksanakan inovasi KSSR. Dapatkan kajian ini konsisten dengan hasil kajian Haugen (2008) bahawa bagi semua kumpulan pengalaman mengajar dalam kajiannya menunjukkan intensiti yang tinggi bagi Tahap 0 dan Tahap 3.

Secara keseluruhannya keempat-empat kumpulan guru yang berpengalaman mengajar menunjukkan profil “bukan pengguna yang bercuriga”. Profil menunjukkan “kenaikan ekor” bagi Tahap 6. Hasil dapatan adalah sama

dengan dapatan Faizah (2011). Menurut George et al. (2006) skor peratusan yang tinggi bagi peringkat awal keprihatinan dengan “kenaikan ekor” melambangkan terdapat rintangan dalam pelaksanaan inovasi KSSR. Profil jenis ini mencadangkan bahawa guru mempunyai idea yang berbeza dengan inovasi KSSR dan mungkin hendak mengubah atau menggantikan inovasi yang dilaksanakan (George et al., 2006). Tentangan terhadap inovasi sering disebabkan oleh kekurangan maklumat mengenai inovasi KSSR dalam kalangan guru.

Profil Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Bilangan Kali Guru Menghadiri Kursus KSSR atau Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) KSSR

Dapatan kajian menunjukkan bahawa profil guru yang tidak pernah menghadiri kursus/LDP KSSR menunjukkan bentuk profil “bukan pengguna” mengikut interpretasi George et al. (2006). Guru bagi kumpulan ini menunjukkan intensiti yang paling tinggi bagi Tahap 0, ini menunjukkan mereka sedar akan inovasi akan tetapi kurang berminat tentang kewujudan pelaksanaan KSSR di sekolah. Menurut George et al. (2006), skor dalam Tahap 0 bagi profil bukan pengguna tidak begitu penting jika dibandingkan dengan variasi skor antara Tahap 1 dan Tahap 2.

Profil bagi kumpulan guru yang tidak pernah menghadiri sebarang kursus/LDP KSSR menunjukkan skor peratusan bagi Tahap 2 lebih tinggi daripada skor peratusan bagi Tahap 1. Ini membawa maksud bahawa guru dalam kumpulan ini lebih prihatin tentang keadaan peribadi dan kebijakan mereka berbanding menunjukkan minat untuk belajar mengenai inovasi KSSR. Hasil kajian adalah sama dengan dapatan Dass (2001).

Pada umumnya kumpulan guru yang mempunyai profil jenis ini memerlukan perbincangan yang lebih mendalam supaya membantu mereka lebih memahami peranan mereka dalam inovasi dan menjelaskan kesan inovasi terhadap mereka supaya kumpulan guru ini dapat meningkatkan keprihatinan mengenai pelaksanaan inovasi KSSR.

Sementara itu, Peringkat Keprihatinan Impak yang rendah (Tahap 4, Tahap 5 dan Tahap 6) mencerminkan keprihatinan kesan pelaksanaan inovasi KSSR terhadap murid tidak tinggi, mereka juga kurang bekerjasama atau berkongsi maklumat dalam melaksanakan inovasi KSSR. “Penurunan ekor” atau dikenali sebagai “*low tailing-off*” pada Tahap 6 menunjukkan guru dalam kumpulan ini tidak mempunyai idea lain yang berpotensi atau idea yang bernas serta berdaya saing berkenaan inovasi KSSR. Hal ini menunjukkan guru yang tidak pernah menghadiri kursus/LDP KSSR memperlihatkan terdapat minat, serta tidak menunjukkan keprihatinan yang tinggi dalam pelaksanaan inovasi KSSR. Interpretasi ini dibuat berdasarkan bentuk profil ini menunjukkan tahap intensiti yang tinggi bagi Peringkat Keprihatinan Tiada Berkenaan dan Peringkat Keprihatinan Diri, diikuti tahap intensiti yang rendah bagi Peringkat Keprihatinan Impak.

Ciri profil “bukan pengguna bercuriga” menunjukkan “kenaikan ekor” (*tailing up*) pada Tahap 6 memberi erti bahawa terbentuk penentangan bagi profil tahap keprihatinan yang menunjukkan rintangan guru semasa melaksanakan KSSR. Ini menunjukkan guru berkemungkinan terdapat idea untuk melaksanakan inovasi KSSR dengan cara yang berbeza. Idea ini mungkin bersifat positif atau negatif terhadap pelaksanaan KSSR. Sementara itu, “kenaikan ekor” juga menunjukkan guru mungkin masih ragu-ragu dan tidak yakin terhadap keberkesanan pelaksanaan inovasi KSSR. Keadaan ini menunjukkan kemungkinan terdapat rintangan dalam inovasi, atau mungkin keinginan mengubah inovasi yang diimplementasikan.

Dengan kata lain, Peringkat Keprihatinan Impak masih belum menjadi fokus kepada guru dalam kajian ini. Mereka terus berurus dengan keperluan dalam menyelesaikan Peringkat Keprihatinan Diri dan Peringkat Keprihatinan Tugas dalam amalan pengajaran mereka dalam pelaksanaan KSSR. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan Cheung (2002), Norazila (2008) dan Sharifah et al. (2012) dalam kajian mereka yang menunjukkan Peringkat Keprihatinan Diri yang tinggi iaitu menujukkan profil “bukan pengguna tipikal” atau “*typical nonuser*” serta menunjukkan “kenaikan ekor” bagi Tahap 6. Ini dapat membawa maksud bahawa pelaksanaan inovasi pada institusionalisasi masih belum dikendalikan dengan baik.

IMPLIKASI KAJIAN

Profil umum guru dapat diinterpretasikan sebagai “bukan pengguna yang bercuriga”. Ini menunjukkan guru yang dikaji memerlukan maklumat dan sumber yang lebih mendalam untuk melaksanakan inovasi KSSR. Walaupun guru telah menghadiri kursus/LDP KSSR yang dianjurkan oleh JPN, PPD atau sekolah, namun kebanyakan guru yang melaksanakan KSSR masih berada dalam keadaan keraguan, ketidakpastian serta kurang yakin terhadap diri sendiri dalam melaksanakan inovasi KSSR.

Menurut Hall dan Hord (2011) prinsip model CBAM ke-11 menyatakan bahawa intervensi yang sesuai dapat mengurangkan cabaran dalam proses perubahan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa guru yang dilatih lebih banyak kali lebih positif terhadap inovasi. Oleh itu, pihak sekolah dapat berbincang dengan guru yang bermasalah dalam melaksanakan inovasi KSSR dan berharap intervensi ini dapat membantu guru lebih memahami peranan mereka dalam inovasi. Menurut Hall dan Hord (2011) lagi, prinsip ke-9 dalam model CBAM menyatakan bahawa sekolah merupakan unit utama dalam sesuatu perubahan. Oleh itu, guru besar memainkan peranan penting sebagai pemudah cara sekolah mampu menyelesaikan masalah guru dengan membekalkan prasarana atau kemudahan seperti bahan bantu mengajar kepada guru. Menurut Cheung (2001) selepas latihan atau kursus, keprihatinan guru sebagai pelaksana kepada perubahan tidak pernah dipantau. Guru dibiarkan semasa melaksanakan perubahan dan melakukannya mengikut kefahaman sendiri. Maka, adalah wajar pegawai KPM atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang terlibat dalam pemberian kursus KSSR memantau ke sekolah supaya melihat perkembangan pelaksanaan KSSR di sekolah. Sekiranya guru terdapat kemusikan dalam melaksanakan inovasi KSSR, pegawai KPM atau JPN dapat mengambil langkah intervensi untuk membantu serta memberi kursus lanjutan kepada guru supaya guru jelas dan melaksanakannya dengan betul.

Profil bagi kumpulan guru yang berkelayakan siswazah lanjutan merupakan “pengguna yang berpengalaman”. Ini menunjukkan guru yang berpendidikan lebih tinggi bersifat terbuka serta bersikap positif terhadap perubahan. Kemungkinan besar kumpulan guru ini lebih terdedah dalam menjalankan penyelidikan. Justeru itu, Dasar Pensiswazahan Guru di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) merupakan tindakan yang wajar dan berada pada landasan yang betul bagi meningkatkan profesionalisme perguruan. Oleh itu, pegawai dari PPD, JPN atau KPM dapat mengambil langkah intervensi yang sesuai supaya guru dapat menjalankan kajian dan penyelidikan di samping menjalankan pengajaran di sekolah. Berharap intervensi dari PPD, JPN dan KPM, guru akan menjadi lebih peka terhadap perubahan pendidikan, mengesan masalah pendidikan serta bersedia berubah mengikut perkembangan semasa.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, profil umum tahap keprihatinan guru SJKC daerah Barat Daya di Pulau Pinang terhadap inovasi KSSR dikenal pasti sebagai profil “bukan pengguna bercuriga”. Profil jenis ini melambangkan penyampaian maklumat mengenai KSSR gagal disampaikan dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, guru yang dikaji bergelut dengan isu peribadi dalam melaksanakan inovasi KSSR. Profil dengan “kenaikan ekor” pada tahap 6 menunjukkan terdapat rintangan dalam melaksanakan perubahan (George et al., 2006). Ini harus dipandang serius dan perlu dipertimbangkan sebagai suatu amaran.

Dengan merujuk kepada prinsip ke-9 dalam model CBAM, sekolah merupakan unit utama dalam sesuatu perubahan (Hall & Hord, 2011). Sesebuah organisasi tidak akan berubah sehingga seseorang individu yang melaksanakan inovasi itu berubah. Oleh itu, sekolah merupakan institusi yang memainkan peranan penting dalam menyokong guru supaya perubahan kurikulum dapat dilaksanakan dengan lancar. Ini seterusnya mengesahkan prinsip yang ke-10 bahawa “usaha berpasukan memudahkan perubahan” (Hall & Hord, 2011).

Lantaran itu, fasilitator disarankan supaya mengenal pasti rintangan dengan mengambil kira keraguan guru, ketakutan ataupun kebimbangan guru semasa melaksanakan inovasi KSSR dalam sekolah supaya masalah guru dapat diatasi melalui intervensi yang sesuai sama ada secara individu atau dalam kumpulan. Akhir sekali, adalah wajar pihak sekolah menilai dan menangani punca rintangan guru dalam melaksanakan inovasi KSSR melalui penyelidikan dan intervensi.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Pengajian kurikulum*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2010). Dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/bpk/v2/index.php>
- Baharuddin Jabar. (2009). *Sikap, pengetahuan, kemahiran pedagogi dan keprihatinan guru terhadap perubahan kurikulum sejarah*. (Disertasi PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia).
- Cheung, D. (2001). School-based assessment in public examinations: Identifying the concerns of teachers. *Educational Journal*, 29(2), 105-123

- Cheung, D. (2002). Refining a stage model for studying teacher concerns about educational innovations. *Australian Journal of Education*, 46(3), 305-322.
- Conroy, C. A. (1999). Identifying barriers to infusion of aquaculture into secondary agriscience: Adoption of a curriculum innovation. *Journal of Agricultural Education*, 40(3), 1-10
- Dass, P. M. (2001). Implementation of instructional innovations in K-8 science classes: Perspectives of inservice teachers. *International Journal of Science Education*, 23(9), 969-984.
- Fullan, M., & Stiegelbauer, S. M. (1991). *The new meaning of educational change* (2nd ed.). New York, NY: Teachers College Press.
- George, A. A., Hall, G. E., & Stiegelbauer, S. M. (2006). *Measuring implementation in schools: The Stages of Concern Questionnaire* (2nd ed.). Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2011). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Haugen, K. S. (2008). *Preparation for high school Mathematics reform in the Northeast Georgia Resa District: A "Stage of concerns" approach to examining professional learning*. (PhD dissertation, Georgia Southern University).
- Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. (2012). Rujukan JPNPP (KUR) 600-6/12 Jilid 2(61). *Surat Siaran: Kajian Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2010.
- Lu, R., & Overbaugh, R. C. (2009). The impact of a federally funded grant on a Professional Development Program: Teachers' stages of concern toward technology integration. *Journal of Computing in Teacher Education*, 25(2), 45-55.
- Norazila Abdul Aziz. (2008). *Teacher's stage of concern about adoption of technological innovations: A profile of English language teachers in the Kuching Samarahan*. (Disertasi PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia).
- Sanders, M., & Ngxola, N. (2009). Identifying teachers' concerns about teaching evolution. *Journal of Biological Education*, 43(3), 121-128.
- Sharifah Nor Puteh, Kamarul Azman Abd. Salam, & Kamaruzaman Jusoff. (2011). Using CBAM to evaluate teacher concerns in Science literacy for human capital development at the preschool. *World Applied Science Journal 14 (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners)*, 81-87.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, & Aliza Ali. (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Journal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 19-31.

LAMPIRAN A**BORANG SOAL SELIDIK****"TAHAP KEPRIHATINAN GURU
TERHADAP INOVASI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)
BERDASARKAN MODEL CBAM"**

Salam sejahtera,

Tuan / Puan yang dihormati,

Anda telah terpilih untuk menjadi responden bagi kajian penyelidikan ini. Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keprihatinan guru dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Frasa seperti "*perubahan ini*", "*pendekatan baru ini*", "*sistem baru ini*" dan "*program baru ini*" yang dimaksudkan dalam soal selidik ini merujuk kepada perubahan kurikulum daripada Semakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah [KBSR (Semakan)] kepada KSSR yang berlaku pada masa kini dalam sistem pendidikan di negara kita.

Sebahagian besar item di dalam soal selidik ini mungkin "berkaitan sedikit" atau "tidak berkaitan" dengan anda pada masa kini. Untuk semua item yang "tidak berkaitan", sila tandakan "0" pada skala yang diberikan. Item lain yang mewakili keprihatinan yang ada pada anda, dalam tahap intensiti yang berbeza, perlu ditandakan pada skala yang lebih tinggi berdasarkan penerangan pada bahagian atas setiap muka surat berikut.

Contoh:

Pernyataan ini sangat benar tentang diri saya pada ketika ini. 0 1 2 3 4 5 6 **(7)**

Pernyataan ini kurang benar tentang diri saya pada ketika ini 0 1 2 3 **(4)** 5 6 7

Pernyataan ini tidak benar tentang diri saya pada ketika ini. 0 **(1)** 2 3 4 5 6 7

Pernyataan ini tidak berkaitan dengan saya. **(0)** 1 2 3 4 5 6 7

Segala maklumat yang diberi akan dirahsiakan dan digunakan untuk tujuan akademik semata-mata. Tiada jawapan yang betul atau salah dalam kajian ini. Oleh itu, sila respon kepada item yang melihat dari segi *keprihatinan anda kini*, atau bagaimana *perasaan anda* terhadap penglibatan anda, atau potensi anda untuk terlibat dalam pelaksanaan KSSR di sekolah anda. Kajian ini tidak mendukung kepada definisi sesiapa, jadi sila fikirkannya dari segi *persepsi anda sendiri* terhadap perubahan tersebut.

Kerjasama tuan/puan meluangkan masa untuk menjawab soal selidik ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

BAHAGIAN A

Tandakan ✓ pada pilihan yang mewakili diri anda dan lengkapkan tempat kosong. Sila lengkapkan semua bahagian.

| | | | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|--------------------------|----------------|--------------------------|
| 1. Jantina: | Lelaki | <input type="checkbox"/> | Perempuan | <input type="checkbox"/> |
| 2. Umur: | 20-29 | <input type="checkbox"/> | 30-39 | <input type="checkbox"/> |
| | 40-49 | <input type="checkbox"/> | 50 ke atas | <input type="checkbox"/> |
| 3. Kelayakan Akademik: | Bukan Siswazah | <input type="checkbox"/> | Siswazah | <input type="checkbox"/> |
| | Siswazah Lanjutan | <input type="checkbox"/> | | |
| 4. Lokasi Sekolah: | Bandar | <input type="checkbox"/> | Luar Bandar | <input type="checkbox"/> |
| 5. Bilangan kali menghadiri kursus KSSR/latihan dalam perkhidmatan (LDP) mengenai KSSR | Tidak Pernah | <input type="checkbox"/> | 1 kali | <input type="checkbox"/> |
| | 2 kali | <input type="checkbox"/> | 3 kali ke atas | <input type="checkbox"/> |
| 6. Pengalaman Mengajar (tahun): | 1-10 | <input type="checkbox"/> | 11-20 | <input type="checkbox"/> |
| | 21-30 | <input type="checkbox"/> | 30 ke atas | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

| 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
|-----------------|-------------|---|--------------|---|--------------|---|---|
| Tidak Berkaitan | Tidak Benar | | Kurang Benar | | Sangat Benar | | |

| | | | | | | | | | |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Saya prihatin tentang sikap murid terhadap inovasi KSSR | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 2 | Saya tahu terdapat pendekatan lain yang lebih berkesan daripada KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 3 | Saya tidak tahu langsung tentang KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 4 | Saya risau tidak mempunyai masa yang cukup untuk persediaan pengajaran KSSR setiap hari. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 5 | Saya ingin membantu rakan sekerja lain dalam melaksanakan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 6 | Saya mempunyai pengetahuan yang sangat terhad tentang KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 7 | Saya ingin mengetahui kesan penggunaan KSSR yang mungkin berlaku ke atas status profesion saya. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 8 | Saya prihatin tentang percanggahan antara minat dan tanggungjawab saya apabila melaksanakan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 9 | Saya prihatin tentang penyemakan semula terhadap KSSR yang saya laksanakan. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 10 | Saya ingin bekerjasama dengan rakan sekerja di dalam dan di luar sekolah tentang KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 11 | Saya prihatin tentang cara PdP KSSR memberi kesan ke atas murid saya. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 12 | Saya tidak prihatin tentang KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 13 | Saya ingin tahu siapa yang akan membuat keputusan berhubung dengan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 14 | Saya ingin berbincang dengan rakan sekerja saya tentang kemungkinan melaksanakan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 15 | Saya ingin tahu sumber yang boleh disediakan bagi mengamalkan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 16 | Saya prihatin tentang ketidakupayaan saya untuk mengendalikan segala keperluan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 17 | Saya ingin tahu cara pengajaran atau pentadbiran saya sepatutnya berubah disebabkan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 18 | Saya ingin membiasakan rakan sekerja lain tentang kemajuan penggunaan KSSR dalam PdP. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |

| | | | | | | | | | |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | Saya prihatin tentang penilaian terhadap kesan KSSR ke atas murid. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 20 | Saya ingin menyemak semula pendekatan pengajaran bagi KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 21 | Saya telah terlibat dalam perkara-perkara lain, bukan mengenai penggunaan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 22 | Berdasarkan pengalaman saya dengan murid, saya ingin mengubah suai cara melaksanakan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 23 | Walaupun saya tidak tahu banyak tentang KSSR, saya prihatin tentang isu-isu berkaitan dengannya. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 24 | Saya ingin membuat murid saya teruja tentang peranan mereka dalam KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 25 | Saya prihatin tentang masa yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah bukan akademik yang berkaitan dengan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 26 | Saya ingin tahu kegunaan KSSR yang akan diperlukan pada masa depan. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 27 | Saya ingin menyelaraskan usaha saya dengan orang lain untuk memaksimumkan kesan perubahan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 28 | Saya ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang komitmen saya dari segi masa dan tenaga yang diperlukan bagi KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 29 | Saya ingin tahu perkara yang sedang dilakukan oleh rakan sekerja lain dalam KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 30 | Pada masa ini, saya tidak berminat untuk mempelajari tentang KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 31 | Saya ingin menentukan cara untuk melengkapkan, meningkatkan atau menggantikan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 32 | Saya berhasrat menggunakan maklum balas daripada murid untuk mengubah cara penggunaan KSSR dalam PdP. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 33 | Saya ingin tahu cara saya berubah apabila menggunakan KSSR. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 34 | Penyelaras tugas dan kakitangan telah menggunakan banyak masa saya ekoran menggunakan KSSR dalam PdP. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 35 | Saya ingin tahu cara perubahan KSSR adalah lebih baik daripada perkara yang berlaku sekarang. | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |

Terima kasih atas kerjasama anda

LAMPIRAN B**Carta SoCQ Quick Scoring Device (George et al., 2006)**

| Tahap | | | | | | |
|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 3 ____ | 6 ____ | 7 ____ | 4 ____ | 1 ____ | 5 ____ | 2 ____ |
| 12 ____ | 14 ____ | 13 ____ | 8 ____ | 11 ____ | 10 ____ | 9 ____ |
| 21 ____ | 15 ____ | 17 ____ | 16 ____ | 19 ____ | 18 ____ | 20 ____ |
| 23 ____ | 26 ____ | 28 ____ | 25 ____ | 24 ____ | 27 ____ | 22 ____ |
| 30 ____ | 35 ____ | 33 ____ | 34 ____ | 32 ____ | 29 ____ | 31 ____ |

Jumlah Markah Mentah _____

Markah Peratusan _____

LAMPIRAN C**Carta Penukaran Peratusan Tahap Keprihatinan (George et al., 2006)**

| Jumlah Skor Skala Mentah Bagi 5 Item | Skor Peratusan | | | | | | |
|-----------------------------------------------|----------------|----|----|----|----|----|----|
| | Tahap | | | | | | |
| | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 0 | 10 | 5 | 5 | 2 | 1 | 1 | 1 |
| 1 | 23 | 12 | 12 | 5 | 1 | 2 | 2 |
| 2 | 29 | 16 | 14 | 7 | 1 | 3 | 3 |
| 3 | 37 | 19 | 17 | 9 | 2 | 3 | 5 |
| 4 | 46 | 23 | 21 | 11 | 2 | 4 | 6 |
| 5 | 53 | 27 | 25 | 15 | 3 | 5 | 9 |
| 6 | 60 | 30 | 28 | 18 | 3 | 7 | 11 |
| 7 | 66 | 34 | 31 | 23 | 4 | 9 | 14 |
| 8 | 72 | 37 | 35 | 27 | 5 | 10 | 17 |
| 9 | 77 | 40 | 39 | 30 | 5 | 12 | 20 |
| 10 | 81 | 43 | 41 | 34 | 7 | 14 | 22 |
| 11 | 84 | 45 | 45 | 39 | 8 | 16 | 26 |
| 12 | 86 | 48 | 48 | 43 | 9 | 19 | 30 |
| 13 | 89 | 51 | 52 | 47 | 11 | 22 | 34 |
| 14 | 91 | 54 | 55 | 52 | 13 | 25 | 38 |
| 15 | 93 | 57 | 57 | 56 | 16 | 28 | 42 |
| 16 | 94 | 60 | 59 | 60 | 19 | 31 | 47 |
| 17 | 95 | 63 | 63 | 65 | 21 | 36 | 52 |
| 18 | 96 | 66 | 67 | 69 | 24 | 40 | 57 |
| 19 | 97 | 69 | 70 | 73 | 27 | 44 | 60 |
| 20 | 98 | 72 | 72 | 77 | 30 | 48 | 65 |
| 21 | 98 | 75 | 76 | 80 | 33 | 52 | 69 |
| 22 | 99 | 80 | 78 | 83 | 38 | 55 | 73 |
| 23 | 99 | 84 | 80 | 85 | 43 | 59 | 77 |
| 24 | 99 | 88 | 83 | 88 | 48 | 64 | 81 |
| 25 | 99 | 90 | 85 | 90 | 54 | 68 | 84 |
| 26 | 99 | 91 | 87 | 92 | 59 | 72 | 87 |
| 27 | 99 | 93 | 89 | 94 | 63 | 76 | 90 |
| 28 | 99 | 95 | 91 | 95 | 66 | 80 | 92 |
| 29 | 99 | 96 | 92 | 97 | 71 | 84 | 94 |
| 30 | 99 | 97 | 94 | 97 | 76 | 88 | 96 |
| 31 | 99 | 98 | 95 | 98 | 82 | 91 | 97 |
| 32 | 99 | 99 | 96 | 98 | 86 | 93 | 98 |
| 33 | 99 | 99 | 96 | 99 | 90 | 95 | 99 |
| 34 | 99 | 99 | 97 | 99 | 92 | 97 | 99 |
| 35 | 99 | 99 | 99 | 99 | 96 | 98 | 99 |